

Oleh: ADE IRMA SURYANI CHE'LEH

PERSOALAN wanita dan hak-haknya sejak dahulu diperkatakan di seluruh dunia. Pelbagai undang-undang digubal, pelbagai cara dibincangkan, keputusan tetap sama. Perbincangan mengenainya sentiasa hangat diperkatakan tetapi sehingga kini tidak ada titik nuktahnya.

Dalam Islam, lelaki dan wanita seiring dan seganding, saling melengkapkan antara satu sama lain, seperti malam dan siang yang melengkapkan putaran hari. Jika lelaki diberikan status tertentu, kaum wanita juga diletakkan di tempat yang mulia.

Rasulullah pernah bersabda, 'syurga itu di telapak kaki ibu'. Ini menunjukkan kedudukan wanita yang perlu dihormati terutama kepada yang bergelar ibu. Bukan itu sahaja, banyak lagi hadis baginda yang mengangkat martabat wanita di tempat yang lebih wajar dan dihormati. Dalam al-Quran sendiri diturunkan surah khusus tentang wanita iaitu surah an-Nisa'.


Selain itu surah Ali Imran ayat 195 menyebut bahawa, "sesungguhnya Aku tidak mensia-siakan orang-orang yang beramal, baik lelaki atau perempuan, (kerana) sebahagian daripada kamu adalah pemimpin bagi sebahagian yang lain."

Islam tidak pernah melarang wanita menceburi bidang pekerjaan, sama perniagaan, teknikal, profesional dan sebagainya untuk mengisi keperluan negara dan tuntutan hidup sesuai dengan perkembangan zaman.

Sejak zaman Rasulullah s.a.w. lagi, wanita mula menceburi pekerjaan luar untuk menambah pendapatan keluarga. Selain menjadi suri rumah, isteri dan puteri-puteri Baginda juga terlibat dalam perniagaan, malah Saydatina Khatijah sendiri merupakan ahli korporat yang berjaya pada zaman itu.

Dalam hal ini Islam telah menggariskan agar wanita berkenaan harus tahu menjaga akhlak dan maruahnya, asalkan rezeki yang dicari itu halal dan tidak bercanggah dengan hukum syarak.

Justeru itu tidak ada sebab mengapa wanita harus mengasingkan diri daripada memberi sumbangan. Dalam sejarah pembangunan negara fungsi wanita



Wanita, Cabaran & Peluang

sebagai salah seorang pendukung kepada kejayaan keluarga dan negara tidak boleh diabaikan.

Ini bersesuaian dengan Dasar Wanita Negara yang bertujuan memberi panduan dan hala tuju dalam segala usaha perancangan dan pelaksanaan program pembangunan negara supaya kepentingan dan penyertaan wanita sebagai agen sasaran mahupun agen pembangunan masyarakat moden tidak diabaikan.

Melalui dasar tersebut, konsep diskriminasi yang berasas jantina turut diberi perhatian. Salah satu strategi yang diambil ialah dengan memberi tumpuan khas di kawasan-kawasan kurang maju di luar bandar, wanita yang tidak berdaya dan cacat, wanita dalam pekerjaan,

wanita dan keperluan kesihatan serta wanita dan peluang pendidikan.

Malaysia juga telah menerima dasar persamaan taraf. Konsep diskriminasi berasaskan gender dimansuhkan untuk membolehkan semua warganegara mendapat hak perlindungan perundangan yang sewajarnya. Ini bererti undang-undang bagi menjamin hak wanita dari segi pemilikan harta, kerakyatan, peluang pekerjaan dan jagaan anak-anak perlu diperkuatkan lagi.

Dengan ini wanita lebih bebas untuk mendapat peluang pendidikan hingga ke peringkat tertinggi tanpa sebarang halangan. Malah wanita semakin berani menongkah arus untuk menceburi dunia baru yang dahulunya dimonopoli oleh

lelaki. Mereka melangkah seiring dengan permintaan tenaga buruh yang semakin meningkat dalam pelbagai sektor. Wanita dan lelaki sama-sama berjalan seiring menempuh era langit tanpa sempadan.

Dalam masyarakat di Malaysia hari ini wanita berkerjaya bukan lagi hanya terhad kepada bidang-bidang yang lazimnya dimonopoli oleh kaum hawa seperti pendidikan kejururawatan, perkeranian dan sebagainya.

Penyertaan wanita dalam tenaga buruh sama ada secara formal atau tidak, semakin menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun. Bilangan penyertaan wanita dalam bidang profesional juga berada di tahap yang cukup membanggakan berbanding negara-negara lain yang sedang membangun. Di peringkat universiti pula, secara keseluruhan tahap pencapaian wanita begitu membanggakan dalam pelbagai kursus yang ditawarkan.

Kursus perakaunan, pergigian dan kejuruteraan (siswazah) semakin mendapat tempat di kalangan wanita hari ini berbanding, kursus-kursus lain seperti arkitek profesional, arkitek, jurutera profesional, doktor veterinar dan juruukur bahan.

Ini berdasarkan bilangan ahli profesional yang berdaftar dengan Institut Akauntan Malaysia, Lembaga Arkitek Malaysia, Lembaga Jurutera Malaysia, Majlis Pergigian Malaysia, Majlis Veterinar Malaysia, Majlis Peguam Malaysia, Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung Malaysia dan Sabah dan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia. (rujuk Jadual 1)

Wanita hari ini bukan hanya melibatkan diri dalam bidang profesional dan teknikal sahaja, tetapi juga semakin berani melangkah hingga ke peringkat membuat keputusan di sektor korporat. Malah ada di antara mereka yang menjadi ahli lembaga pengarah, presiden, naib presiden, pengarah urusan, ketua pegawai eksekutif, ketua pegawai operasi, pengurus besar kanan dan pengurus besar. (rujuk Jadual 2)

Jawatan	2001	2002	2003	2004
Ahli Lembaga Pengarah	10.1	10.5	10.1	9.9
Presiden, Naib Presiden, Pengarah Urusan, Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi, Pengurus Besar Kanan, Pengurus Besar	12.0	12.1	12.3	12.5

Sumber: Kajian KPWK ke atas 50 syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur.

Setelah melalui pelbagai perubahan, kaum hawa semakin agresif dalam mencorakkan masa depan. Ini dapat dilihat daripada peningkatan peratusan penglibatan wanita di peringkat tertinggi dalam sesebuah organisasi korporat sejak empat tahun kebelakangan ini. Perubahan ini dilihat sebagai perkembangan positif sesuai dengan peningkatan tahap kesedaran dan taraf pendidikan mereka yang semakin meningkat.

Antara faktor yang mendorong kepada penglibatan wanita dalam sektor pekerjaan luar rumah sama ada di peringkat tenaga mahir atau separuh mahir ialah disebabkan peningkatan wanita yang berpendidikan tinggi, perubahan nilai masyarakat mengenai kepentingan wanita bekerja, kemunculan fenomena perdagangan dan pelaburan bebas akibat globalisasi dan pelbagai faktor sampingan lain.

Bagaimanapun seperti lazimnya wanita juga berhadapan dengan banyak masalah untuk mencapai sasaran mereka. Antara halangan yang dihadapi oleh wanita untuk berjaya ialah kekurangan perkhidmatan sokongan untuk membolehkan wanita bekerja, peluang untuk

menambah pengetahuan dan kemahiran yang terhad, taraf kesihatan dan tahap kemiskinan.

Bukan itu sahaja, jumlah wanita berkelulusan universiti yang menganggur juga tinggi, majikan pula bersikap *androcentric* (mengutamakan lelaki) semasa memilih pekerja baru, walaupun ramai di kalangan pelajar wanita mempunyai keputusan yang jauh lebih baik berbanding pelajar lelaki. Masih ramai di kala-

ngan majikan yang masih ragu-ragu dengan keupayaan pekerja wanita. Selain faktor tersebut, sesetengah wanita bersikap memilih pekerjaan.

Walaupun terdapat usaha untuk mengatasi masalah ini, tetapi wanita terpaksa melalui perjalanan yang panjang. Peruntukan sebanyak 30 peratus untuk mengisi jawatan di peringkat pengurusan tertinggi masih sukar untuk dicapai dalam masa terdekat.

Jika dilihat dari sektor pembuatan, penglibatan wanita dalam bidang ini agak tinggi iaitu 41.1 peratus. Hampir 80 peratus daripada tenaga wanita adalah dalam kategori rendah iaitu separa pengurusan (*semi-managerial*).

Dari segi kenaikan pangkat pula, wanita terpaksa menempuh halangan kerana ada kalanya mereka terpaksa berhenti sementara kerana menjaga anak yang masih kecil, menumpukan perhatian pada rumah tangga, mengikut suami berpindah tempat kerja dan sebagainya.

Ada juga di antara mereka yang mengambil keputusan untuk berhenti terus dari bidang pekerjaan kerana pendapatan keluarga sudah lumayan. Malah sekiranya berlaku kemerosotan ekonomi, golongan wanita sering kali menjadi mangsa pemberhentian kerja oleh majikan.

Keadaan ini jauh berbeza dengan lelaki, yang jarang berhadapan dengan keadaan seumpama itu. Jarang sekali lelaki yang mengambil keputusan berhenti kerja kerana mahu menumpukan perhatian pada rumah tangga atau berpindah tempat kerja disebabkan isteri dipindahkan ke tempat baru. W

BILANGAN AHLI PROFESIONAL (WANITA) YANG BERDAFTAR 2003-2004		
	2003	2004
Profesion	Jumlah	Jumlah
Akauntan	7,498 (40.7%)	8,328 (41.6%)
Arkitek Profesional	216 (13.1%)	225 (13.6)
Arkitek Jurutera	320 (23.1%)	332 (22.9)
Profesional Jurutera	626 (2.9%)	284 (2.8%)
Siswazah	3,449 (11.2%)	3,971 (11.7%)
Doktor Gigi	1,308 (54.5%)	1,409 (54.4%)
Doktor Veterinar	371 (29.7%)	420 (32.0%)
Juruukur Tanah	1 (0.3%)	1 (0.3%)
Juruukur Bahan	470 (29.6%)	535 (31.6%)
Peguam	4,797 (43.4%)	5,045 (44.1%)